

10H7M EKSPLOKASI EROPAH 5 NEGARA

France - Belgium - Netherlands - Switzerland - Germany



**MENAIKI KERETA KABEL BERPUTAR PERTAMA DI DUNIA
UNTUK SAMPAI KE PUNCAK GUNUNG ALPS YANG
SEBANYAK 3,238 METER DARI PARAS LAUT.**

10H7M

EKSPLORASI EROPAH 5 NEGARA

France - Belgium - Netherlands - Switzerland - Germany



HARI 01 KUALA LUMPUR - PARIS

Berkumpul di KLIA untuk menaiki penerbangan ke Paris.

HARI 02 PARIS

MM

Tiba di Paris.

Lawatan di Paris:

- **Galleries Lafayette** rangkaian pusat membeli-belah Perancis yang mewah dan terbesar di Eropah. Galeri utamanya di Boulevard Haussmann, Paris tetapi kini beroperasi di beberapa lokasi lain. Pengunjung dapat membeli belah dan menghayati seni bina bangunan yang sangat menarik.
- Bersiar menaiki bas melepasi **Louvre Museum** di mana potret Monalisa dipamerkan, **Les Invalides** yang pernah menjadi hospital tentera satu ketika dahulu dan **Palais Garnier** yang merupakan sebuah teater opera yang boleh memuatkan hampir 2,000 orang.
- Bergambar di **Arc de Triomphe** yang cukup terkenal sebagai tanda penghormatan kepada wira Perancis ketika French Revolution dan Peperangan Napoleon.
- **Eiffel Tower**: Menara ikonik kota Paris yang dibina sempena World's Fair lebih 130 tahun dahulu.
- Bersolat di **Grand Mosque Paris** yang dibina pada tahun 1926 dengan menaranya setinggi 33m dan terletak berhampiran **Notre-Dame Cathedral** yang merupakan salah satu binaan Gothic yang unik.

Bermalam di Paris.

HARI 03 PARIS - BRUSSELS - AMSTERDAM

SP/MM

Lawatan di Brussels:

- Bergambar di **Atomium**, sebuah struktur atom unik yang dibina sempena Brussels World's Fair 1958.
- Melawat **Grand Place** yang terletak di tengah bandar Brussels di mana terletak sekelilingnya **Flamboyant Town Hall**, **Guilds of Brussels** dan **King's House** dan akhirnya dibawa ke tugu ikonik legenda **Manneken Pis**.
- Peserta boleh mencuba makanan terkenal di sini iaitu waffle dan membeli coklat buatan tempatan.

Khas Lawatan Bulan April:

- Melawat dan bergambar di **Keukenhof Garden** juga dikenali sebagai Taman Eropah adalah salah satu taman bunga terbesar di dunia yang terletak di Netherland. Keluasan taman ini adalah seluas 32 Hektar dan dianggarkan terdapat 7 Juta jenis bunga yang ditanam di sini.

Bermalam di Amsterdam.

HARI 04 AMSTERDAM

SP/MM

Lawatan di Amsterdam:

- Dibawa ke perkampungan tradisi orang Belanda di **Zaanse Schans**, di mana peserta berpeluang berfoto secara dekat dengan pelbagai jenis kincir angin tradisional yang terdapat di sini.
- Lihat sendiri pembuatan terompah kayu tradisional di **Wooden Shoe Workshop** dan cara pembuatan keju di **Cheese Farm Catharina Hoeve**.
- Melawat galeri pembuatan berlian **Gassan Diamonds**.
- Rasai pengalaman unik menaiki **Canal Cruise** menyusuri sepanjang terusan di kota ini sambil melihat bangunan-bangunan bersejarah di sekitar Amsterdam.
- Waktu bebas di **Damrak Square** yang menempatkan **Royal Palace**, **National Monument**, **Amsterdam Centraal** dan membeli-belah di kawasan tumpuan orang tempatan iaitu **Kalverstraat**.

Bermalam di Amsterdam.

HARI 05 AMSTERDAM - FRANKFURT

SP/MM

Lawatan di Cologne:

- **Cologne Central Mosque** masjid gaya seni bina Neo-Uthmaniyyah dengan dinding kaca, dua menara dan kubah.

Lawatan di Frankfurt:

- **Romerberg**, satu dataran yang dikelilingi dengan pelbagai binaan bersejarah seperti **Fountain of Justice** di mana pesalah zaman dahulu dibicarakan, jambatan replika **Bridge of Sigh** dan juga **The Romer** iaitu teres 7 bangunan unik termasuk **City Hall** yang dibina pada hujung abad ke 13.

Bermalam di Frankfurt.

HARI 06 FRANKFURT - TITISEE - ZURICH

SP/MM

Lawatan di Titisee:

- Alami pengalaman bersantai melihar keindahan alam di **Tasik Titisee**, sebuah bandar tasik yang menawan di bahagian selatan Black Forest.
- Melawat ke **The Rhine Falls** yang merupakan air terjun terbesar di Eropah. Berkedudukan berhampiran dengan Schaffhausen.

Bermalam di Zurich.

HARI 07 ZURICH - LUCERNE - MT. TITLIS - INTERLAKEN/BERN

SP/MM

Lawatan di Lucerne:

- **Chapel Bridge**: Jambatan kayu yang dibina pada tahun 1333 asalnya sebagai sebahagian dari tembok pertahanan kota ini.
- **Lion Monument**: Ukiran tugu batu singa dan perisai melambangkan kegagahan, keberanian dan kesetiaan Swiss Army ketika zaman French Revolution.
- Membeli-belah di butik jam terkenal iaitu **Bucherer** dan barangan cenderamata di **Casa Grande**.

Lawatan di Engelberg:

- Menaiki kereta kabel ke salah satu puncak pergunungan Alps iaitu **Mount Titlis**.
- Peserta bebas untuk berfoto, bermain salji, menerokai **Glacier Cave** atau menaiki jambatan gantung tertinggi di Eropah iaitu **Cliff Walk**.

Bermalam di Interlaken/Bern.

HARI 08 INTERLAKEN/BERN - DIJON - PARIS

SP/MM

Lawatan di Bern:

- Melawat ke **Old Town of Bern** dan mengunjungi **Zytlogge (Clock Tower)** yang merupakan salah satu mercu tanda bandar Bern yang telah wujud sejak kurun ke 16.
- **Jambatan Nydeggbucke** yang menghubungkan Old Town dengan New Town merentasi **Sungai Aare**.
- Waktu bebas di sekitar **Munsterplatz**, satu dataran di tengah kota Bern untuk membeli belah pelbagai cenderahati kenang-kenangan dari Bandar Bern.
- Berhenti untuk makan dan solat di **Kota Dijon**.

Bermalam di Paris.

HARI 09 PARIS - KUALA LUMPUR

Bertolak ke lapangan terbang untuk penerbangan pulang ke Kuala Lumpur.

HARI 10 KUALA LUMPUR

Tiba di Kuala Lumpur.

PERTUKARAN MATA WANG



EUR 1 =
MYR 5.20



GBP 1 =
MYR 6.00



PERBEZAAN WAKTU

Eropah, Paris & Amsterdam: GMT-7
Malaysia: GMT+8



Musim Panas:

Jun - Ogos



Musim Luruh:

Sept - November



Musim Sejuk:

Disember - Mac



Musim Bunga:

April - Mei



TOUR HIGHLIGHTS

1.



CANAL CRUISE

Rasai pengalaman unik menaiki Canal Cruise menyusuri sepanjang terusan di kota ini sambil melihat bangunan-bangunan bersejarah di sekitar Amsterdam.

2.



ZAANSE SCHANS

Berfoto secara deKat di kincir angin sekitar perkampungan tradisional orang belanda.

3.



EIFFEL TOWER

Menara ikonik kota Paris yang dibina sempena World's Fair lebih 130 tahun dahulu.

4.



MT TITLIS CABLE CAR

Menaiki kereta kabel ke salah satu puncak pergunungan Alps iaitu Mount Titlis.

Hotel Penginapan 3* Hotel

BANDAR	BIL. MALAM
Paris	1 Mlm
Amsterdam	2 mlm
Frankfurt	1 Mlm
Zurich	1 Mlm
Interlaken/Bern	1 Mlm
Paris	1 Mlm

Jadual Penerbangan



HARI	PESAWAT	SEKTOR	ETD	ETA
1	MH 22	KUL - CDG	2340	0640+1
9	MH 21	CDG - KUL	1125	0610+1

Harga Pakej Termasuk

- Tiket penerbangan kelas ekonomi termasuk surcaj minyak dan cukai penerbangan.
- Penginapan hotel bertaraf 3* sepanjang lawatan termasuk cukai bandar (city taxes).
- Sarapan pagi di hotel dan makan malam sepanjang lawatan mengikut aturcara.
- Bayaran masuk ke tempat lawatan mengikut aturcara.
- Tiket menaiki kereta kabel Mount Titlis.
- Tiket melawat galeri Gassan Diamonds.
- Menaiki bot Canal Cruise Amsterdam.
- Pengangkutan bas persiaran berhawa dingin yang selesa.
- Perkhidmatan ketua rombongan dan pelancong yang professional.
- Tip untuk pemandu pelancong dan pemandu bus persiaran.

Harga Pakej Tak Termasuk

- Tiket masuk ke Eiffel Tower dan lain-lain tiket masuk yang tidak dinyatakan.
- Surcaj tambahan ketika waktu perayaan, puncak dan cuti sekolah.
- Servis tambahan di hotel seperti snek, mini bar, dobi dan porter.
- Makan tengahari sepanjang lawatan.
- Bayaran tambahan lebihan had bagasi penerbangan.
- Perkara lain yang tidak dinyatakan di dalam aturcara program dan pakej.